



## “ISYARAT BAHAYA TELAH DIBUNYIKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ الْحَقُّ<sup>ص</sup> فَمَاذَا بَعْدَ  
الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ<sup>ص</sup> فَأَنْتِ تُصْرَفُونَ ﴿٣٣﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا إِيَّاهُ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,**

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus bertaqwa kepada Allah dengan menjunjung segala titah perintah-Nya dan



menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan mendapat kemenangan didunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Dalam detik-detik yang hening ini, dengan diselubungi oleh suasana keinsafan, dengan penuh rasa kegerunan bercampur harapan, marilah kita memasang telinga mendengar-dengar dengan penuh waspada bahawa ***"ISYARAT BAHAYA TELAH DIBUNYIKAN"***.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Jika kita amati dengan mendalam bahawa usaha-usaha untuk memesongkan 'aqidah umat Islam dan merencatkan survival ummah sering cuba diselinasikan ke tengah-tengah masyarakat umat Islam dari dahulu hingga sekarang. Ia berterusan dijaja dan dipromosi dari masa kesemasa dengan bertopengkan wajah yang penuh kosmetik oleh individu yang berkepentingan dan berniat jahat.

Sesungguhnya senarai panjang mengenai ajaran-ajaran songsang dan menyeleweng dari agama Islam, telah direkodkan dalam sejarah perkembangan Islam di negara kita. Hari ini, dunia Islam sering digemparkan oleh fenomena berleluasanya ajaran-ajaran sesat, songsang dan bertentangan dengan dasar pegangan aqidah Islamiah dan Ahlussunnah wal Jamaah. Ajaran-ajaran tersebut antara lain ialah seperti ajaran Ahmadiyah Qadyani, Syi'ah, Taslim, Mat Matahari, al Ma'unah, al Arqam, Al Mansur, Zikir Lompat atau zikir majzub, Ayah Pin kerajaan langit, tariqat Ayah Sin Al Fatani, Hj Kahar rasul Melayu, Islam Jamaah atau Lamkari atau dengan nama baru Lembaga Dakwah Islamiah Indonesia (LDII), Gerakan Negara



Islam Indonesia (NII), Anti Hadis, fahaman lebral dan plural, Tuhan Harun dan terbaru Millah Abraham, dan lain-lain lagi.

Kelompok ini bermula dengan kumpulan-kumpulan kecil yang diperkukuhkan melalui amalan-amalan kebatinan yang tidak sunyi dari ilmu hitam dan sihir, kemudian didoktrinkan dengan fahaman-fahaman songsang, sesudah itu apabila pengikut-pengikutnya telah bertambah ramai, mereka mula terliur untuk menunjukkan kehebatan dan kekuatan, seterusnya cuba menimbulkan kekacauan yang boleh mengancam keselamatan negara.

### **Sidang Jumaat Sekalian,**

Sebagai makluman, berikut adalah sebahagian daripada kekacauan yang pernah dilakukan oleh kumpulan-kumpulan sesat di negara kita:

1. Pada 7 Julai 1979, Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan Hj. Damanhuri Hj. Abdul Wahhab, Imam Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak.
2. Pada 19 Ogos 1979, seramai 4 orang pengikut Ilmu Kassyaf pimpinan Hj. Kamaruddin @ Abdullah Sani Kajang mati terbunuh dalam satu peristiwa di Kerling, Selangor.
3. Pada 16 Oktober 1980, kumpulan ajaran sesat pimpinan Ahmad Nasir Kemboja yang mendakwa sebagai Imam Mahdi telah menyerang dan mencederakan anggota polis yang bertugas di Balai Polis Batu Pahat, Johor.
4. Pada 2 Julai 2000 di negeri Perak, heboh diperkatakan Kumpulan al Ma'unah pimpinan Mohd. Amin telah menceroboh sebuah Kem Askar dan berjaya melarikan beberapa banyak senjata api, seterusnya



terlibat dalam pertempuran dengan pihak keamanan Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia.

5. Pada 11/11/2013 Ahmad Raffli Abdul Malik Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah ditembak mati oleh salah seorang pengikut ajaran sesat dari kumpulan Tuhan Harun.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Antara tips untuk mengenal pasti ciri-ciri sesuatu fahaman dan ajaran yang songsang dan menyeleweng adalah seperti berikut:

1. Mengkafirkan Saidatina 'Aishah Ummul Mukminin dan para sahabat seperti Abu Bakar, Umar dan Osman.
2. Mempercayai dan meyakini bahawa adanya lagi beberapa surah al Quran yang disembunyikan selain dari al Quran yang ada sekarang ini.
3. Mempercayai bahawa ketua mereka adalah Nabi selepas Nabi Muhammad SAW atau imam Mahdi Muntazar atau pemuda Bani Tamim yang akan datang untuk memimpin dan menyelamatkan dunia.
4. Mereka mudah mengkafirkan dan mensyirikkan orang Islam yang bukan dari kumpulan mereka hatta ulama'-ulama' yang muktabar dan masyhur dikalangan umat Islam seperti An Nawawi, Ibn Hajar, Al Ghazzali dan lain-lain.
5. Mempercayai bahawa Allah SAW benar-benar mempunyai sifat anggota seperti mata, tangan, kaki, duduk bersila, turun naik dan lain-lain.



6. Mempercayai bahawa ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w telah tamat tempoh selepas serangan tentera Monggol ke atas Baghdad pada tahun 656 Hijri. Sehubungan itu ibadah solat, puasa dan haji sudah tidak wajib lagi.
7. Mempercayai bahawa sesiapa yang mengikut ulama' adalah syirik, kerana Allah memerintahkan dalam al Quran jika terdapat perselisihan dikalangan umat Islam maka hendaklah dirujuk kepada Allah dan Rasul bukannya kepada 'ulama'.
8. Mempercayai bahawa guru mereka telah mencapai taraf wali, oleh itu jika sang guru melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak, seperti mencabul pengikut wanita maka para pengikutnya tidak boleh membantah dan menceritakan kepada orang lain, kerana sang guru itu telah mencapai taraf wali dan ia langsung tidak merasa seronok terhadap maksiat yang ia lakukan.
9. Mempercayai bahawa al Quran sahaja yang boleh menjadi sumber rujukan Islam tanpa Hadis, dan Nabi Muhammad hanya sekadar menyampaikan al Quran tidak lebih dari itu.
10. Al Quran mesti disemak dan ditafsirkan semula supaya sentiasa segar dan sesuai dengan tuntutan zaman dan kehendak semasa.
11. Mempercayai bahawa semua agama adalah benar dan penganut-penganut agama adalah menyembah tuhan yang sama cuma cara dan kaifatnya sahaja yang berlainan.

Demikianlah perkara-perkara yang disebutkan tadi antara ciri-ciri ajaran sesat yang wajib kita jauhi dan hindari kerana boleh merosakkan akidah.



## **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Dalam konteks ini para ulama' sering mengingatkan, bahawa kemungkarannya dan penyelewengan terhadap agama adalah umpama kebakaran yang berlaku dalam sebuah kampung atau taman, api kebakaran merebak dan menjalar dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain. Andaikan, jika kita dan keluarga kita adalah salah seorang penduduk dalam kampung atau taman tersebut, apakah kita mampu berdiam diri tidak berbuat sesuatu untuk turut memadamkan kebakaran itu? Apakah kita akan berkata bahawa api masih belum sampai kerumah kami dan kami masih boleh tidur dengan nyenyaknya?.

Fikirkanlah dengan mendalam bahawa "isyarat bahaya telah dibunyikan", maka setiap orang wajib turut serta memadam kebakaran mengikut kemampuan masing-masing sebelum kebakaran merebak dan memusnahkan masyarakat Islam seluruhnya.

## **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Berdasarkan kepada penjelasan ekspres ini, maka beberapa saranan dan tausiah perlu diambil perhatian:

1. Umat Islam di semua peringkat, pemimpin atau rakyat jelata, mestilah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan agama dalam diri masing-masing, khususnya ilmu-ilmu berhubung dengan 'aqidah Islamiah, supaya dapat dijadikan benteng yang ampuh untuk mempertahankan berbagai serangan dan pencemaran terhadap agama.
2. Umat Islam mestilah mempunyai kepekaan yang tinggi dan sentiasa waspada terhadap aktiviti-aktiviti yang mencurigakan yang berlaku dalam masyarakat.



3. Orang awam mestilah sentiasa mendampingi ulama', majlis-majlis ilmu dan badan berwajib setempat, agar sentiasa mendapat maklumat yang tepat dan sahih mengenai agama.
4. Orang awam yang bukan pakar dalam bidang agama adalah dilarang sama sekali memandai-mandai dan mereka-reka maklumat berhubung dengan agama. Kerana bercakap tanpa ilmu boleh membawa kesesatan akidah yang sangat bahaya. Tidak perlulah menjadi hero dalam bidang yang anda tidak kuasai dan miliki. Tidak dinafikan bahawa semua orang memang berpeluang menjadi pakar atau 'alim, tetapi mestilah terlebih dahulu menguasai disiplin ilmu yang secukupnya dalam bidang ini, bukan hanya sekadar menjadi pak turut atau *carbon copy* ataupun *copy paste* dari musuh-musuh Islam atau orang yang tidak iltizam kepada agama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا بِمَا نُزِّلَ إِلَيْكَ  
وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ  
وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ ۗ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ  
ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿٦﴾



"Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad) orang-orang (munafik) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada al-Quran yang telah diturunkan kepadamu dan kepada (kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada Taghut, padahal mereka telah diperintahkan supaya kufur ingkar kepada Taghut itu. Dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya".

(an-Nisa' - 60).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالٍوَإِكْرَامٍ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ  
لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka



yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.